



NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PENYATA KEWANGAN 2017





NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PENYATA KEWANGAN 2017





PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI NEGERI SEMBILAN 2017

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan 2017 disediakan oleh Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentang di Dewan Undangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan melaporkan urusan kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri bagi tahun kewangan 2017.

Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan jumlah di Penyata Kewangan.



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri Sembilan yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan dalam menyiapkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua pegawai dan anggota Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan di atas kejayaan menghasilkan Penyata Kewangan ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Audit Negara khususnya Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan serta semua pegawainya atas nasihat dan kerjasama yang diberikan sepanjang tahun kewangan 2017. Perancangan yang tersusun, komitmen, diikuti dengan pertanggungjawaban semua pihak telah membolehkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2017 disediakan dengan sempurna dan bertepatan masa untuk diaudit seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

(YB. DATO' JOHANI BIN HASSAN)

Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

KANDUNGAN

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 2017

MUKA SURAT

KANDUNGAN

01 - 08

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

09

Sijil Ketua Audit Negara

13

Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Negeri Sembilan

15

Penyata Kedudukan Kewangan

16

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

17

Penyata Prestasi Kewangan

18

Penyata Akaun Memorandum

19

Nota Kepada Penyata Kewangan

35 - 99

LAMPIRAN KEPADA NOTA

35

Lampiran 1
Penyata Perbelanjaan Mengurus

62

Lampiran 2
Penyata Perbelanjaan Pembangunan

71

Lampiran 3
Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut

73

Lampiran 3(i) -
Penyata Lengkap Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut

77

Lampiran 4
Penyata Akaun Memorandum Pelaburan

79

Lampiran 5
Penyata Lengkap Memorandum Hutang Kerajaan Negeri

93

Lampiran 6
Penyata Lengkap Kumpulan Wang Amanah Awam

97

Lampiran 7
Penyata Akaun Wang Deposit

PENYATA KEWANGAN
2017



NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

LAPORAN BENDAHARI NEGERI TAHUN 2017

Pendahuluan

Penyata Kewangan Negeri, Negeri Sembilan dan laporannya disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) dan Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia. Laporan ini bertujuan menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta ringkasan urusan kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. Perbendaharaan Negeri telah dapat menyiapkan Penyata Kewangan Tahun 2017 mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan diserahkan kepada Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan pada 29 Januari 2018.

KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Prestasi Belanjawan

Belanjawan tahun 2017 yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada Disember 2016, menganggarkan kutipan hasil sebanyak RM405.00 juta dan jumlah tersebut diperuntukan bagi perbelanjaan mengurus. Manakala sebanyak RM111.61 juta diperuntukan bagi perbelanjaan pembangunan.

Jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2017 adalah RM492.23juta (termasuk RM83.10 juta yang dipindahkan dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan, Akaun Amanah Permasalahan Rakyat dan Akaun Amanah Projek dan Program Transformasi Merakyatkan Perkhidmatan Awam) iaitu 95.28% dari peruntukan berjumlah RM516.61 juta. Daripada jumlah ini, perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM387.15 juta (termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan, Akaun Amanah Permasalahan Rakyat dan Akaun Amanah Projek dan Program Transformasi Merakyatkan Perkhidmatan Awam) manakala perbelanjaan pembangunan berjumlah RM105.08 juta.

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan dan perbelanjaan bekalan. Perbelanjaan tanggungan adalah berjumlah RM19.03 juta, iaitu 83.17% dari jumlah peruntukan RM22.88 juta manakala perbelanjaan bekalan berjumlah RM368.11 juta (termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Amanah), iaitu 96.33% dari jumlah peruntukan RM382.12 juta.

Bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2017 telah mencatat perbelanjaan sebanyak RM105.08 juta iaitu 94.15% daripada peruntukan yang disediakan berjumlah RM111.61 juta.

Jadual 1 menunjukkan prestasi belanjawan berbanding prestasi sebenar kutipan hasil dan perbelanjaan bagi tahun 2017.

BUTIRAN	Anggaran (RM juta)	Sebenar (RM juta)	%
Hasil	405.00	413.46	102.09
Perbelanjaan Mengurus	405.00	387.15	95.59
Perbelanjaan Pembangunan	111.61	105.08	94.15

JADUAL 1 – PRESTASI BELANJAWAN KERAJAAN NEGERI

Prestasi Kewangan

Operasi kewangan Kerajaan Negeri untuk tahun 2017 telah menunjukkan lebih dalam Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM26.31 juta berbanding catatan lebih RM14.24 juta pada tahun 2016. Lebih ini berpunca daripada hasil yang dikutip berjumlah RM413.46 juta berbanding perbelanjaan mengurus (termasuk pindahan kepada Kumpulan wang Pembangunan dan Akaun Amanah sebanyak RM83.10 juta) berjumlah RM387.15 juta. Kesan daripada lebih tersebut baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat 8.31% daripada RM316.54 juta pada tahun 2016 kepada RM342.85 juta pada tahun 2017.

Kumpulan Wang Pembangunan Negeri mencatatkan defisit dalam operasi kewangannya untuk tahun 2017 berjumlah RM18.16 juta berbanding defisit RM3.39 juta pada tahun 2016. Ini menyebabkan baki defisit terkumpul Kumpulan Wang tersebut meningkat dari RM313.46 juta pada tahun 2016 kepada RM331.62 juta pada tahun 2017.


Kumpulan Wang Bekalan Air Negeri (KWABA) tidak mencatatkan sebarang perubahan iaitu mencatatkan defisit berjumlah RM30.93 juta untuk tahun 2017.

Ringkasan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 2** dan **Carta 1** menunjukkan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun.

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
AKAUN HASIL		
Hasil	413.46	380.55
Perbelanjaan Mengurus (sebelum caruman kepada KW pembangunan, Akaun Amanah Permasalahan Rakyat dan Akaun Amanah Projek dan Program Transformasi Merakyatkan Perkhidmatan Awam	(304.05)	(302.20)
	109.41	78.35
Caruman kepada:		
Kumpulan wang Pembangunan	(66.88)	(64.11)
Akaun Amanah Permasalah Rakyat	(6.22)	–
Akaun Amanah Projek dan Transformasi Merakyatkan Perkhidmatan Awam	(10.00)	–
Lebihan/ (Defisit) Akaun Hasil	26.31	14.24
AKAUN PEMBANGUNAN		
Terimaan Kumpulan wang Pembangunan	86.92	84.42
Perbelanjaan Pembangunan	(105.08)	(87.81)
Lebihan/ (Defisit) Akaun Pembangunan	(18.16)	(3.39)

**JADUAL 2 – PRESTASI KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI**

**CARTA 1
PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
BAGI TEMPOH 2013-2017**



KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah aset yang dipegang bagi ketiga-tiga **Kumpulan Wang Negeri Yang Disatukan** iaitu **Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan** dan **Akaun Amanah Disatukan**. Jumlah aset yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti pada 31 Disember 2017 meningkat sebanyak RM185.77 juta kepada RM725.96 juta atau 34.39% berbanding RM540.19 juta pada tahun 2016.


Jumlah ini terdiri daripada **Wang Tunai** berjumlah RM357.94 juta dan **Pelaburan** berjumlah RM368.02 juta. Dari jumlah aset tersebut, sebanyak RM342.85 juta adalah dipegang untuk Akaun Hasil Disatukan dan RM383.11 juta untuk Akaun Amanah Disatukan.

Jadual 3 menunjukkan perbandingan Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 dan 2017 dan **Carta 2** menunjukkan kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2016 - 2017.

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
ASET :		
Wang Tunai	357.94	180.17
Pelaburan	368.02	360.02
	725.96	540.19
JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI:		
Akaun Hasil Disatukan	342.85	316.55
Akaun Amanah Disatukan	383.11	223.64
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	540.19
	725.96	540.19

**JADUAL 3 – PENYATA KEDUDUKAN
KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

CARTA 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2016 - 2017




AKAUN HASIL DISATUKAN

Kutipan Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2017 berjumlah RM413.46 juta berbanding RM380.55 juta pada tahun 2016, peningkatan sebanyak RM32.91 juta atau 8.65%.

Carta 3 menunjukkan pecahan peratus kutipan hasil Kerajaan Negeri mengikut jenis pada tahun 2017.

CARTA 3
KUTIPAN HASIL MENGIKUT JENIS
BAGI TAHUN 2017



Hasil Cukai

Hasil Cukai menyumbang sejumlah RM138.27 juta atau 33.44% dari keseluruhan kutipan hasil negeri. Jumlah ini meningkat sebanyak RM10.19 juta atau 7.95% berbanding hasil cukai tahun

2016 sebanyak RM128.08 juta. Pungutan dari **Cukai Langsung** berjumlah RM132.63 juta manakala RM5.64 juta terdiri daripada **Cukai Tidak Langsung**. Sumber utama Cukai Langsung ialah Cukai Tanah berjumlah RM130.38 juta dan Cukai Keluaran Hutan RM2.05 juta. Bagi Cukai Tidak Langsung, sumber utamanya adalah dari Cukai Tiket Pawagam yang berjumlah RM5.63 juta.

Hasil Bukan Cukai

Prestasi pungutan **Hasil Bukan Cukai** adalah sebanyak RM204.71 juta pada tahun 2017 berbanding RM186.29 juta pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak RM18.42 juta atau 9.89%.

Hasil Bukan Cukai menyumbang 49.51% dari keseluruhan hasil negeri, yang terdiri daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit sebanyak RM38.76 juta, Perkhidmatan dan Bayaran sebanyak RM21.54 juta, Perolehan dari Jualan Barang-Barang sebanyak RM105.87 juta, Sewaan sebanyak RM1.09 juta, Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan sebanyak RM30.64 juta serta Denda dan Hukuman sebanyak RM6.81 juta.

Terimaan Bukan Hasil

Terimaan Bukan Hasil adalah sebanyak RM70.48 juta pada tahun 2017 berbanding RM66.17 juta pada tahun 2016. Ia merupakan peningkatan sebanyak RM4.31 juta atau 6.51%. Terimaan Bukan Hasil terdiri daripada Pulangan Balik Perbelanjaan RM8.64 juta dan Terimaan dari Agensi Kerajaan RM61.62 juta. Ia menyumbang 17.05% dari keseluruhan Hasil Negeri.

Laporan terperinci bagi hasil boleh dirujuk kepada **Nota 5: Nota Kepada Penyata Kewangan**. **Jadual 4** menunjukkan komponen Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016. **Jadual 5** menunjukkan butiran hasil utama Kerajaan Negeri bagi tahun 2017.

BUTIRAN	2017		2016	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Hasil Cukai	138.27	33.44	128.08	33.66
Hasil Bukan Cukai	204.71	49.51	186.29	48.95
Terimaan Bukan Hasil	70.48	17.05	66.18	17.39
JUMLAH HASIL	413.46	100.00	380.55	100.00

JADUAL 4 – HASIL KERAJAAN NEGERI

BUTIRAN	RM Juta	% daripada Jumlah Hasil
HASIL CUKAI		
Cukai Tanah	130.38	31.53
HASIL BUKAN CUKAI		
Premium Tanah	73.06	17.67
Pelbagai Permit	36.20	8.75
Caj Air Mentah Domestik dan Komersial	28.16	6.81
Bayaran Iktisas	18.93	4.58
Dividen, Faedah dan Keuntungan daripada Pelaburan	25.16	6.09
TERIMAAN BUKAN HASIL		
Pemberian dan Caruman Kerajaan Persekutuan	48.93	11.83
Bayaran Balik Pinjaman Dari Agensi	2.59	0.63
JUMLAH	363.41	87.89

JADUAL 5 – HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus Negeri tahun 2017 adalah berjumlah RM387.15 juta (termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan, Akaun Amanah Permasalahan Rakyat dan Akaun Amanah Projek dan Program Transformasi Merakyatkan Perkhidmatan Awam sebanyak RM83.10 juta) berbanding RM366.31 juta pada tahun 2016. Jumlah ini termasuk perbelanjaan tanggungan sebanyak RM19.03 juta. Perbelanjaan mengurus menunjukkan peningkatan sebanyak RM20.84 juta atau 5.69% berbanding tahun 2016 disebabkan peningkatan dalam emolumen serta perkhidmatan dan bekalan.

Emolumen meningkat dari RM143.34 juta pada tahun 2016 kepada RM146.52 juta pada tahun 2017. Peningkatan adalah sebanyak RM3.18 juta atau 2.21% antaranya disebabkan kenaikan tahunan gaji kakitangan Kerajaan Negeri dan pemberian Bantuan Khas Kewangan kepada penjawat awam Negeri sebanyak RM500.00 pada bulan Jun dan Disember 2017.

Perkhidmatan dan Bekalan menunjukkan peningkatan dari RM79.05 juta pada tahun 2016 kepada RM84.38 juta pada tahun 2017.

Peningkatan adalah sebanyak RM5.33 juta atau 6.74%. Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merangkumi perbelanjaan perkhidmatan yang dibeli, penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan perhubungan serta perbelanjaan bekalan bahan mentah.

Pembelian Aset menurun dari RM2.93 juta pada tahun 2016 kepada RM1.70 juta pada tahun 2017. Penurunan disebabkan oleh pertimbangan cadangan perolehan aset berasaskan kepada keperluan sebenar jabatan dan pendekatan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri.

Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap menunjukkan peningkatan dari RM135.75 juta pada tahun 2016 kepada RM153.58 juta pada tahun 2017. Peningkatan adalah sebanyak RM17.83 juta atau 13.13%. Antara perbelanjaan di bawah komponen ini adalah pemindahan dana ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi tujuan projek-projek pembangunan Kerajaan, penyaluran bantuan kepada rakyat, di antaranya pemberian Anugerah Siswazah Cemerlang berjumlah RM1.23 juta. Rentas NS berjumlah RM3.00 juta, Perluasan Kampung berjumlah RM1.00 juta dan Farm Outlet berjumlah RM1.00 juta serta penyaluran kepada Akaun Amanah Projek dan Program Transformasi Merakyatkan Perkhidmatan Awam berjumlah RM10.00 juta.


Perbelanjaan-perbelanjaan lain menunjukkan penurunan dari RM5.24 juta pada tahun 2016 kepada RM0.97 juta pada tahun 2017.

Jadual 6 menunjukkan komponen perbelanjaan mengurus bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016 manakala **Carta 4** menunjukkan pecahan peratus perbelanjaan mengurus Negeri mengikut jenis bagi tahun 2017.

PERBELANJAAN SEBENAR	2017		2016	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Emolumen	146.52	37.85	143.34	39.13
Perkhidmatan dan Bekalan	84.38	21.79	79.05	21.58
Aset	1.70	0.44	2.93	0.80
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	153.58	39.67	135.75	37.06
Lain-Lain	0.97	0.25	5.24	1.43
JUMLAH	387.15	100.00	366.31	100.00

JADUAL 6 – PERBELANJAAN MENGURUS

CARTA 4
PECAHAN PERBELANJAAN MENGRUS
RM387.05 JUTA BAGI TAHUN 2017



Laporan Terperinci bagi Perbelanjaan Mengurus boleh dirujuk kepada **Lampiran 1 – Lampiran kepada Nota**

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Pinjaman Dari Kerajaan Persekutuan

Sepanjang tahun 2017 tiada pinjaman baru yang dipohon daripada Kerajaan Persekutuan berbanding RM13.49 juta pada tahun 2016.

Laporan terperinci Akaun Pinjaman Disatukan boleh dirujuk kepada **Nota 6 – Nota Kepada Penyata Kewangan**.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Kumpulan Wang Pembangunan Negeri

Bagi tahun 2017, Kumpulan wang ini mencatatkan defisit RM18.16 juta berbanding defisit RM3.39 juta pada tahun 2016. Terimaan Kumpulan Wang ini bagi tahun 2017 adalah RM86.92 juta berbanding RM84.43 juta pada tahun 2016.

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM105.08 juta berbanding RM87.81 juta pada tahun 2016. Sebahagian besar perbelanjaan pembangunan adalah di bawah kod aktiviti P57, Pelbagai sebanyak RM16.96 juta merangkumi pelbagai projek kecil, sistem komputer Negeri Sembilan, pembinaan/pengubahsuaian kompleks sukan dan pembinaan/penurapan jalan luar bandar,

di bawah kod aktiviti P59, Bangunan-bangunan Kerajaan sebanyak RM15.08 juta merangkumi pembinaan/pengubahsuaian kediaman rasmi pembesar Negeri, dan pembinaan/pengubahsuaian kompleks pejabat manakala di bawah kod aktiviti P56, Kerja-kerja kecil sebanyak RM13.20 juta merangkumi kerja-kerja kecil ADUN.

Laporan Terperinci bagi Perbelanjaan Pembangunan boleh dirujuk kepada **Lampiran 2 – Lampiran kepada Nota**.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Baki terkumpul kumpulan wang ini adalah berjumlah RM352.62 juta berbanding RM375.32 juta pada tahun 2016. Kumpulan wang ini terdiri dari Akaun Penyelesaian sebanyak RM25.13 juta, Akaun Pinjaman RM10.51 juta, Kumpulan Wang Luar Jangka RM2.00 juta dan Pelbagai Kumpulan Wang sebanyak RM314.98 juta.

Akaun Kena Bayar adalah berjumlah RM2.21 juta berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM3.85 juta. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak RM1.64 juta atau 42.60%.

Laporan terperinci Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan boleh dirujuk kepada **Nota 7(a) (iii) – Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Kumpulan Wang Amanah Awam

Terimaan Kumpulan Wang Amanah ini pada tahun 2017 berjumlah RM182.40 juta manakala bayarannya berjumlah RM161.37 juta menjadikan baki terkumpul kumpulan wang ini berjumlah RM123.37 juta pada tahun 2017 berbanding RM102.34 juta pada tahun 2016.

Laporan Terperinci Kumpulan Wang Amanah Awam boleh dirujuk kepada **Nota 7(b) – Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 6 – Lampiran kepada Nota**.

Deposit

Deposit adalah terdiri daripada wang yang diterima khusus oleh Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau mengikut perjanjian, dan perlu dibayar balik apabila maksud berkenaan telah dicapai. Baki Deposit yang dikendalikan oleh Jabatan Negeri pada tahun 2017 adalah sebanyak RM267.46 juta berbanding tahun 2016 berjumlah RM86.53 juta. Dalam tahun 2017, terdapat peningkatan ketara Deposit yang disebabkan oleh pembayaran Deposit di bawah Seksyen 3(1)b Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi

Projek Talian Penghantaran 500KV oleh pihak TNB Berhad yang diakaun dalam Akaun Deposit Am di Pejabat Tanah yang terlibat.

Laporan Terperinci Akaun Deposit boleh dirujuk kepada **Nota 7(c) – Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 7 - Lampiran kepada Nota.**

ASET

Wang Tunai

Wang Tunai Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2017 berjumlah RM357.94 juta berbanding RM180.17 juta pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak RM177.77 juta atau 98.67%. Sejumlah RM354.00 juta adalah dalam bentuk simpanan tetap iaitu peningkatan sebanyak RM180.00 juta atau 103.45% berbanding RM174.00 juta pada tahun 2016. Simpanan tetap tempoh matang tiga bulan atau kurang diklasifikasikan sebagai wang tunai di Penyata A selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 (PPK2 – Disemak 2010).

Laporan terperinci Wang Tunai boleh dirujuk kepada **Nota 3 – Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Pelaburan

Pelaburan Kerajaan Negeri yang dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 berjumlah RM368.02 juta berbanding tahun 2016 iaitu berjumlah RM360.02 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan penambahan dalam pelaburan simpanan tetap jangka panjang serta pembelian saham dan syer (SUKUK) bernilai RM5.00 juta.

Laporan terperinci Pelaburan boleh dirujuk kepada **Nota 4 – Nota Kepada Penyata Kewangan.**

AKAUN MEMORANDUM

MEMORANDUM ASET

Pinjaman Boleh Tuntut

Baki pinjaman oleh agensi-agensi lain daripada Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2017 telah mencatatkan penurunan kepada RM54.84 juta berbanding RM56.29 juta pada tahun 2016.

Pada tahun 2017, terimaan bayaran balik (pokok) sebanyak RM3.75 juta dan bayaran faedah sebanyak RM0.63 juta telah dibuat kepada Kerajaan Negeri.

Pecahan baki Pinjaman Boleh Tuntut (pokok) mengikut agensi terdiri daripada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan sebanyak RM30.39 juta atau 55.41%, Majlis Perbandaran Seremban sebanyak RM8.16 juta atau 14.88%, Syarikat Imapro Sdn. Bhd. RM6.34 juta atau 11.56%, Majlis Daerah Rembau RM0.25 juta atau 0.46% dan Yayasan Negeri Sembilan RM9.70 juta atau 17.69%

Laporan terperinci Pinjaman Boleh Tuntut boleh dirujuk kepada **Lampiran 3 dan Lampiran 3(i)–Lampiran Kepada Nota. Jadual 7** menunjukkan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Tuntut (pokok) daripada agensi pada tahun 2017 dan 2016.

BUTIRAN	2017 (RM juta)	2016 (RM juta)
Perbadanan Kemajuan Negeri, N. Sembilan	1.59	2.39
Majlis Perbandaran Seremban	0.20	0.20
Syarikat Imapro Sdn. Bhd	0.28	0.27
Majlis Daerah Kuala Pilah	0.06	0.06
Majlis Daerah Rembau	0.07	0.07
Yayasan Negeri Sembilan	1.55	1.08
Jumlah	3.75	4.07

JADUAL 7 – BAYARAN BALIK PINJAMAN BOLEH TUNTUT (POKOK)

Pelaburan

Pelaburan Kerajaan Negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM47.00 juta, peningkatan sebanyak RM5.00 juta berbanding RM42.00 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pelaburan baru di bawah Sukuk Danainfra Nasional Berhad sebanyak RM5.00 juta.

Laporan terperinci Pelaburan boleh dirujuk kepada **Lampiran 4 – Lampiran Kepada Nota.**

MEMORANDUM LIABILITI

Hutang Negeri


Hutang Awam Kerajaan Negeri (pokok) kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2017 telah berkurangan sebanyak RM6.01 juta atau 0.63% kepada RM937.54 juta berbanding RM943.55 juta pada tahun 2016. Pengurangan jumlah dalam baki hutang ini adalah disebabkan tiada penambahan jumlah pinjaman bagi tahun 2017.

Pecahan Hutang Kerajaan Negeri (pokok) mengikut sektor terdiri daripada Rancangan Bekalan Air sebanyak RM721.28 juta atau 76.94% (iaitu Projek Bekalan Air RMK 9 yang masih belum siap dan

belum diambil alih oleh PAAB) diikuti Perumahan Awam Kos Rendah sebanyak RM77.81 juta atau 8.29% dan Perbadanan Kemajuan Negeri sebanyak RM18.49 juta atau 1.97% dan Pelbagai Hutang RM119.96 juta atau 12.80%.

Laporan terperinci hutang Kerajaan Negeri boleh dirujuk kepada **Lampiran 5 – Lampiran Kepada Nota. Carta 5** menunjukkan Baki Hutang Kerajaan Negeri (pokok) dari tahun 2013 hingga 2017.

CARTA 5
BAKI HUTANG (POKOK) TAHUN 2013 - 2017



PENYATA KEWANGAN
2017



NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
2017



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 21.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Sembilan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut: Peruntukan bagi Perbelanjaan Pembangunan bagi sesuatu tahun adalah dibenarkan dibuat perbelanjaan di sepanjang tahun dan sebarang peruntukan yang tidak dibelanjakan pada akhir tahun akan luput. Perkara ini adalah jelas dinyatakan dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Perkara 7). Pada 31 Disember 2017, Kerajaan Negeri Sembilan telah melaksanakan penyaluran keluar peruntukan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Sembilan ke Agensi Negeri dan akaun amanah sejumlah RM15.03 juta bagi perbelanjaan pembangunan yang tidak dapat diselesaikan pada tahun semasa. Kerajaan Negeri hendaklah mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bagi memastikan penyata kewangan Kerajaan Negeri menggambarkan kedudukan sebenar prestasi perbelanjaan pembangunan Negeri.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Sembilan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Sembilan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Sembilan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Sembilan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi,

pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Sembilan memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Pegawai Kewangan Negeri, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Sembilan telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini diangkat untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan; dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA



PUTRAJAYA

29 JUN 2018

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
DAN
BENDAHARI NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2017.


Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2017.



YB. DATO' JOHANI BIN HASSAN

Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus

29 Januari 2018



MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN

Bendahari Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus

29 Januari 2018

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

seperti pada 31 Disember 2017

PENYATA	NOTA	2017	2016
		RM	RM
WANG AWAM			
A WANG TUNAI	3	357,941,481.22	180,166,199.69
B PELABURAN	4	368,024,304.29	360,024,304.29
		725,965,785.51	540,190,503.98
DIPEGANG BAGI: KUMPULAN WANG DISATUKAN			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	5	342,852,522.14	316,541,217.34
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
E AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	383,113,263.37	223,649,286.64
		725,965,785.51	540,190,503.98

Nota-nota mukasurat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	2017		2016	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
HASIL				
Hasil Cukai	138,267,601.28		128,079,049.73	
Hasil Bukan Cukai	204,714,279.06		186,294,559.73	
Terimaan Bukan Hasil	70,475,266.33		66,174,771.14	
		413,457,146.67		380,548,380.60
PINJAMAN				
Pinjaman Dalam Negeri	0.00		13,488,000.00	
		0.00		13,488,000.00
TERIMAAN MODAL				
Pelbagai Terimaan Modal	20,046,516.99		20,312,967.37	
Jualan Instrumen Kewangan	0.00		0.00	
		20,046,516.99		20,312,967.37
TERIMAAN LAIN				
Terimaan Amanah	177,622,790.08		7,329,445.18	
		177,622,790.08		7,329,445.18
JUMLAH TERIMAAN		611,126,453.74		421,678,793.15
BAYARAN PERBELANJAAN MENGURUS				
Emolumen	(146,518,832.25)		(143,339,835.38)	
Perkhidmatan Dan Bekalan	(84,376,324.85)		(79,044,641.33)	
Aset	(1,695,096.24)		(2,930,054.68)	
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	(79,960,380.84)		(66,022,442.78)	
Perbelanjaan Lain	(979,493.08)		(5,243,611.80)	
		(313,530,127.26)		(296,580,585.97)
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN				
Langsung	(105,083,673.29)		(87,814,138.26)	
Pinjaman	0.00		0.00	
		(105,083,673.29)		(87,814,138.26)
PERBELANJAAN MODAL				
Pelbagai Perbelanjaan Modal	0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	(8,000,000.00)		(35,310,097.42)	
		(8,000,000.00)		(35,310,097.42)
BAYARAN BALIK PINJAMAN				
Pinjaman Dalam Negeri	(6,737,371.66)		(5,612,798.88)	
Pinjaman Kepada Agensi/ Pindahan Kepada Akaun Amanah	0.00		(13,488,000.00)	
		(6,737,371.66)		(19,100,798.88)
BAYARAN LAIN				
Bayaran Amanah	0.00		0.00	
		0.00		0.00
JUMLAH BAYARAN		(433,351,172.21)		(438,805,620.53)
Tambahan/(Kurangan) Wang tunai		177,775,281.53		(17,126,827.38)
Wang Tunai Pada 31 Disember 2016		180,166,199.69		197,293,027.07
Wang Tunai Pada 31 Disember 2017		357,941,481.22		180,166,199.69

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	Nota	2017		2016
		Anggaran	Sebenar	Sebenar
		RM	RM	RM
HASIL	5	405,000,000.00	413,457,146.67	380,548,380.60
Tolak : Belanja Mengurus*	5	315,238,000.00	320,267,498.92	302,193,384.85
LEBIHAN/(KURANGAN) HASIL		89,762,000.00	93,189,647.75	78,354,995.75
Tolak : Belanja Pembangunan	7	111,608,000.00	105,083,673.29	87,814,138.26
LEBIHAN/(KURANGAN) KESELURUHAN		(21,846,000.00)	(11,894,025.54)	(9,459,142.51)
LEBIHAN DISOKONG OLEH/(KURANGAN DIBIYAI OLEH):				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri			–	–
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		(20,046,516.99)	(20,312,967.37)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	3,4		8,152,491.45	10,853,824.86
JUMLAH PEMBIAYAAN			(11,894,025.54)	(9,459,142.51)

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

* Belanja mengurus adalah termasuk bayaran balik pinjaman dalam negeri tetapi tidak termasuk caruman kepada kumpulan wang pembangunan.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

seperti pada 31 Disember 2017

PENYATA	NOTA	2017	2016
		RM	RM
ASET			
Pinjaman Boleh Tuntut	8a	54,844,130.01	56,286,846.86
Pelaburan	8b	47,000,000.00	42,000,000.00
LIABILITI			
Hutang Awam	9	937,537,129.59	943,546,501.25

Nota-nota pada muka surat berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu dan Perkara LXXIV Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan mengenai pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan yang merupakan caruman daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM).
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International *Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Simpanan Tetap bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang yang berjumlah RM354,000,000.00 diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. Cash Basis IPSAS dan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK2) Disemak 2010.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2017	2016
	RM	RM
Wang Tunai Dalam Bank	357,836,585.75	176,888,414.73
Wang Tunai Dalam Perjalanan	6,195.47	3,179,084.96
Wang Tunai Dalam Tangan	98,700.00	98,700.00
JUMLAH WANG TUNAI	357,941,481.22	180,166,199.69

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah (sekiranya ada) dan Pelaburan Wang Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2017	2016
	Nilai Buku Pelaburan Am	Nilai Buku Pelaburan Am
	RM	RM
Simpanan Tetap Jangka Panjang	362,774,304.29	359,774,304.29
Maybank Investment Berhad (Sukuk)	5,000,000.00	–
Bank Kerjasama Rakyat - Jabatan Mufti	200,000.00	200,000.00
Bank Kerjasama Rakyat - Jabatan Kehakiman Syariah N. Sembilan	50,000.00	50,000.00
JUMLAH PELABURAN	368,024,304.29	360,024,304.29

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sebanyak RM66,878,342.95 telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan manakala RM6,225,000.00 dan RM10,000,000.00 dipindahkan ke Akaun Amanah Permasalahan Rakyat dan Akaun Amanah Projek dan Program Transformasi Merakyatkan Perkhidmatan Awam.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2017			2016	
	ANGGARAN	SEBENAR		SEBENAR	
	RM	RM	%	RM	%
	Anggaran			Anggaran	
<i>BAKI PADA 1 JANUARI</i>		316,541,217.34		302,299,930.96	
HASIL					
Hasil Cukai	142,351,678.00	138,267,601.28	97.13	128,079,049.73	87.99
Hasil Bukan Cukai	196,169,922.00	204,714,279.06	104.36	186,294,559.73	106.50
Terimaan Bukan Hasil	66,478,400.00	70,475,266.33	106.01	66,174,771.14	104.11
Jumlah Hasil	405,000,000.00	413,457,146.67	102.09	380,548,380.60	99.09

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2017			2016	
	ANGGARAN	SEBENAR		SEBENAR	
	RM	RM	%	RM	%
			Anggaran		Anggaran
PERBELANJAAN MENGRUS					
Emolumen	153,400,226.42	146,518,832.25	95.51	143,339,835.38	95.89
Perkhidmatan dan Bekalan	88,928,472.15	84,376,324.85	94.88	79,044,641.33	92.06
Aset	1,816,588.43	1,695,096.24	93.31	2,930,054.68	85.16
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **	68,192,713.00	70,472,752.50	103.34	71,635,241.66	106.33
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	2,900,000.00	979,493.08	33.78	5,243,611.80	87.38
Perbelanjaan Mengurus (sebelum caruman)	315,238,000.00	304,042,498.92	96.45	302,193,384.85	96.81
Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Amanah	89,762,000.00	83,103,342.95	92.58	64,113,709.37	89.20
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas caruman)	405,000,000.00	387,145,841.87	95.59	366,307,094.22	95.83
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun	–	26,311,304.80		14,241,286.38	
BAKI PADA 31 DISEMBER		342,852,522.14		316,541,217.34	

Nota: (***) - Tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan, Akaun Amanah Permasalahan Rakyat dan Akaun Amanah Projek dan Program Transformasi Merakyatkan Perkhidmatan Awam

(a) Hasil

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dan diakaunkan secara jumlah kasar mengikut asas tunai ke dalam Akaun Hasil kecuali diuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2017			2016		
	ANGGARAN ASAL	ANGGARAN DISEMAK	SEBENAR	SEBENAR	SEBENAR	SEBENAR
	RM	RM	RM	%	RM	%
				Anggaran		Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	136,516,678.00	136,516,678.00	130,380,811.15	95.51	120,741,214.03	86.86
Cukai Keluaran Hutan	1,000,000.00	1,000,000.00	2,046,096.16	204.61	1,605,489.50	80.27
Cukai Langsung Lain	34,000.00	34,000.00	200,741.01	590.41	41,788.03	109.97
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	4,801,000.00	4,801,000.00	5,639,952.96	117.47	5,690,558.17	126.43
Jumlah Hasil Cukai	142,351,678.00	142,351,678.00	138,267,601.28	97.13	128,079,049.73	87.99

PERIHAL	2017				2016	
	ANGGARAN ASAL	ANGGARAN DISEMAK	SEBENAR		SEBENAR	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	29,236,812.00	29,236,812.00	38,757,350.76	132.56	35,978,415.73	143.00
Perkhidmatan dan Bayaran	20,775,600.00	20,775,600.00	21,541,215.68	103.69	20,659,018.64	101.25
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	120,270,430.00	120,270,430.00	105,871,765.12	88.03	97,438,930.94	89.30
Sewaan	697,080.00	697,080.00	1,090,613.99	156.45	904,621.38	66.78
Keuntungan pembiayaan dan Perolehan	23,099,000.00	23,099,000.00	30,642,380.12	132.66	26,846,036.95	164.90
Denda dan Hukuman	2,091,000.00	2,091,000.00	6,810,953.39	325.73	4,467,536.09	170.97
Jumlah Hasil Bukan Cukai	196,169,922.00	196,169,922.00	204,714,279.06	104.36	186,294,559.73	106.50
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	681,400.00	681,400.00	8,644,611.52	1,268.65	4,449,372.98	551.42
Terimaan daripada Agensi-Agensi Kerajaan	65,671,000.00	65,671,000.00	61,616,335.69	93.83	60,906,707.98	97.25
Pelbagai Terimaan	126,000.00	126,000.00	214,319.12	170.09	818,690.18	649.75
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	66,478,400.00	66,478,400.00	70,475,266.33	106.01	66,174,771.14	104.11
JUMLAH HASIL	405,000,000.00	405,000,000.00	413,457,146.67	102.09	380,548,380.60	99.09

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara LXXIV Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan.

Bagi maksud perbelanjaan yang telah melebihi peruntukan, suatu anggaran tambahan dibentangkan di sesi Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara LXXIII Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

MAKSUD PERBELANJAAN	2017			
	ANGGARAN ASAL	ANGGARAN DIPINDA	SEBENAR	% ANGGARAN
	RM	RM	RM	
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Peruntukan Diraja	517,000.00	517,000.00	516,922.56	99.99
T. 03 Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri	135,000.00	135,000.00	130,656.00	96.78
T. 04 Bayaran Hutang Kerajaan	9,906,000.00	9,906,000.00	9,895,657.87	99.90
T. 05 Perintah Mahkamah	2,000,000.00	2,000,000.00	85,006.34	4.25
T. 06 Pencen Dan Ganjaran	9,301,000.00	9,301,000.00	7,319,193.48	78.69
T. 07 Peruntukan Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin	1,018,000.00	1,018,000.00	1,086,325.45	106.71
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	22,877,000.00	22,877,000.00	19,033,761.70	83.20

PERBELANJAAN BEKALAN

B. 01 Pemberian Kerabat Dan Waris	300,000.00	300,000.00	271,579.18	90.53
B. 02 Dewan Undangan	14,511,000.00	14,511,000.00	13,352,451.46	92.02
B. 03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	21,730,000.00	21,730,000.00	20,915,989.38	96.25
B. 04 Jabatan Pertanian	10,390,000.00	10,390,000.00	10,088,598.95	97.10
B. 05 Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	6,932,000.00	6,932,000.00	6,570,917.78	94.79
B. 06 Jabatan Pengairan Dan Saliran	16,078,000.00	16,078,000.00	14,505,215.94	90.22
B. 07 Jabatan Perhutanan	11,935,000.00	11,935,000.00	11,328,093.16	94.91
B. 08 Pejabat Menteri Besar	8,317,000.00	8,317,000.00	8,280,536.95	99.56
B. 09 Pelbagai Perkhidmatan	37,510,000.00	37,510,000.00	36,327,322.65	96.85
B. 10 Pejabat Yang Dipertuan Besar	6,149,000.00	6,149,000.00	6,132,301.77	99.73
B. 11 Jabatan Kerja Raya	18,105,000.00	18,105,000.00	16,498,351.99	91.13
B. 12 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	37,032,000.00	37,032,000.00	37,322,908.57	100.79
B. 13 Jabatan Kebajikan Masyarakat	16,219,000.00	16,219,000.00	14,681,553.74	90.52
B. 14 Majlis-Majlis Perbandaran Dan Daerah	3,000,000.00	3,000,000.00	2,853,210.60	95.11
B. 15 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	4,777,000.00	4,777,000.00	4,333,647.78	90.72
B. 16 Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	5,684,000.00	5,684,000.00	5,258,253.08	92.51
B. 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6,440,000.00	6,440,000.00	6,158,739.31	95.63
B. 18 Caruman Kumpulan Wang Pembangunan dan berkanun**	14,189,000.00	14,189,000.00	20,847,657.05	146.93
B. 19 Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu	5,156,000.00	5,156,000.00	4,584,022.11	88.91
B. 20 Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol	5,123,000.00	5,123,000.00	4,756,459.66	92.85
B. 21 Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah	5,859,000.00	5,859,000.00	5,682,396.65	96.99
B. 22 Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson	6,386,000.00	6,386,000.00	5,703,594.39	89.31

MAKSUD PERBELANJAAN	2017			
	ANGGARAN ASAL	ANGGARAN DIPINDA	SEBENAR	% ANGGARAN
	RM	RM	RM	
B. 23 Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau	4,617,000.00	4,617,000.00	4,069,425.50	88.14
B. 24 Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban	7,515,000.00	7,515,000.00	7,269,874.14	96.74
B. 25 Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin	4,854,000.00	4,854,000.00	4,435,623.65	91.38
B. 26 Pejabat Daerah Dan Tanah Kecil Gemas	2,433,000.00	2,433,000.00	2,421,657.16	99.53
B. 27 Jabatan Mufti Negeri	2,882,000.00	2,882,000.00	2,694,357.70	93.49
B. 28 Jabatan Kehakiman Syariah	6,078,000.00	6,078,000.00	5,792,641.74	95.31
B. 29 Pejabat Balai Undang Yang Empat Dan Tunku Besar Tampin	2,160,000.00	2,160,000.00	1,871,355.18	86.64
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	292,361,000.00	292,361,000.00	285,008,737.22	97.49
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum caruman)	315,238,000.00	315,238,000.00	304,042,498.92	96.45
CARUMAN KEPADA KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	89,762,000.00	89,762,000.00	83,103,342.95	92.58
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas caruman)	405,000,000.00	405,000,000.00	387,145,841.87	95.59

***B18 Caruman Kumpulan wang Pembangunan dan Berkanun adalah tidak termasuk caruman Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Amanah Permasalahan Rakyat yang ditunjukkan secara berasingan.*

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan punca kewangan yang lain di bawah kuasa Undang-Undang Negeri dan pembayarannya diakaunkan dalam Akaun Pinjaman Disatukan. Terimaan dari Pinjaman untuk pembiayaan projek dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan manakala bagi pinjaman yang diterima untuk pembangunan Bekalan Air akan dipindahkan ke Akaun Amanah Pembangunan Bekalan Air.

Bayaran pokok dan faedah hutang negeri bagi anuiti semasa dan tunggakan tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T04 berjumlah RM 9,895,657.87 seperti di Nota 5(b).

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

PERIHAL	2017	2016
	(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
	RM	RM
PINJAMAN		
Badan Berkanun		
Baki pada 1 Januari		
Terimaan	—	—
Bayaran *	—	—
Baki pada 31 Disember	—	—

PERIHAL	2017	2016
	(Debit)/Kredit	(Debit)/Kredit
	RM	RM
PINJAMAN		
Bekalan Air		
Terimaan	–	13,488,000.00
Bayaran *	–	(13,488,000.00)
Baki pada 31 Disember	–	–
